

Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara akan dibentangkan di Parlimen - Najib

Astro Awani

Oktober 19, 2015

Oleh Hafiz Marzukhi dan Harits Asyraf Hasnan

Jelas Perdana Menteri satu dasar keselamatan negara juga bakal digubal untuk dijadikan panduan utama bagi agensi-agensi keselamatan dalam Negara. - Foto Astro AWANI/Shahir Omar

KUALA LUMPUR: Satu Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan dibentangkan dalam sesi Parlimen kali ini bagi memastikan organisasi itu wujud secara perundangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ini merupakan antara langkah transformasi kerajaan dalam mengkaji semula peranan MKN.

"Ancaman keganasan merupakan ancaman yang nyata dan kerajaan memberi perhatian sewajarnya dalam menangani ancaman tersebut.

"Maka kerajaan kini dalam proses mengukuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai agensi barisan yang lebih efisien dan berkesan dalam menyelaraskan dasar serta strategi keselamatan negara," katanya ketika menjawab soalan daripada Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (BN-Kota Tinggi) dalam sidang Parlimen hari ini.

Noor Ehsanuddin meminta Perdana Menteri menjelaskan proses transformasi yang ingin diambil Kerajaan terhadap MKN agar ia lebih efektif dalam mendepani cabaran masa kini.

Najib menambah Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi MKN juga akan disemak semula bagi memastikan arahan yang dikeluarkan masih relevan dengan cabaran masa kini.

"Menyemak semula arahan-arahan MKN dan Peraturan-peraturan Tetap Operasi (SOP) MKN bagi memastikan arahan tersebut masih relevan dan boleh digunapakai sesuai dengan persekitaran semasa.

"Ini termasuk pengukuhan mekanisme di peringkat negeri," kata beliau.

Jelas Najib, satu dasar keselamatan negara juga bakal digubal untuk dijadikan panduan utama bagi agensi-agensi keselamatan dalam Negara.

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rang-undang-undang-majlis-keselamatan-negara-akan-dibentangkan-di-parlimen-najib-77003>